



Golf Amal USIM tawar Preve, RM12,000

Oleh Mohd Hilmie Hussin
mohdhilmie@mediaprima.
com.my

Nilai: Kejohanan Golf Amal Piala Tuanku Canselor anjuran Pusat Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menawarkan hadiah lumayan RM12,000 di Kelab Golf Danau, UKM Bangi, 21 Disember ini.

Pegawai Sukan Kanan USIM Nur Ekmal Buhary (*gambar*) yang bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengelola berката, penganjur masih menerima penyertaan orang ramai dan pasukan korporat, namun bergantung kepada kekosongan slot.

Proton Preve bernilai lebih RM75,000 ditawarkan untuk pemenang 'hole in one' pada hari itu.

Hingga kini, penganjur menerima penyertaan daripada tokoh-tokoh korporat, individu, syarikat swasta dan universiti seluruh negara demi memeriahkan kegiatan bersukan dan beramal.

Kejohanan kali kedua anjuran USIM ini mendapat sambutan menggalakkan termasuk daripada penaja. Kejohanan yang mendapat sokongan sepenuhnya Penaung Kejohanan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan yang juga Canselor USIM, ini tambah meriah apabila baginda turut mengambil bahagian.

Kejohanan ini bertujuan menjana dana penubuhan tabung kebajikan dan pembangunan atlet USIM selain digunakan untuk tujuan bantuan dan sokongan kewangan sepanjang pengajian dan pembabitan mereka dalam aktiviti sukan.